

31/03/2005

Penyelidikan UMS wajar dimanfaatkan

Oleh Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berharap penduduk di Sabah yang terbabit dalam industri perikanan memanfaatkan sepenuhnya hasil penyelidikan yang dijalankan Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana ia mampu mengembangkan industri itu pada masa depan.

Sambil menegaskan hasil kajian yang dilakukan UMS menerusi Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) khususnya dalam bidang akuakultur itu perlu digunakan sepenuhnya, beliau berkata, sehingga kini tidak ramai yang berminat untuk mengetahui hasil kajian itu.

"Sebab itu, kita minta penduduk negeri ini khususnya yang terbabit dalam sektor perikanan menggunakan sepenuhnya hasil kajian dilakukan IPMB di UMS.

"Walaupun ada kajian dan penyelidikan dilakukan, tapi tidak ramai yang berminat mendapat hasil penyelidikan itu. Sikap seperti itu menyebabkan kita tidak mendapat sebarang faedah daripada penyelidikan yang dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Hatceri di IPMB di Kampus Induk UMS di Teluk Likas, di sini semalam.

Turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin; Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan bekas Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Abu Hassan Othman.

Terdahulu, sejurus tiba ke jeti UMS dengan menaiki bot Galaxea UMS dari Sutera Harbour, Dr Mahathir mendengar taklimat tertutup mengenai IPMB selama kira-kira satu jam.

Selepas taklimat itu, Dr Mahathir kemudian mengadakan lawatan ke pusat penetasan IPMB selama kira-kira 30 minit.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, IPMB perlu memberi penekanan utama dalam usaha mengeluarkan makanan ikan agar dapat mengurangkan kos pengimportan makanan ikan dari luar.

"Kita minta UMS menerusi IPMB meluaskan penyelidikan terutama berkaitan dengan penghasilan makanan bagi ikan. Ini kerana sekarang ini kita terpaksa mengimport banyak makanan ikan dari luar.

"Keadaan itu menyebabkan kita membelanjakan banyak wang untuk mengimport makanan ikan. Justeru, satu cara untuk mengurangkan kos adalah dengan menghasilkan sendiri makanan ikan," katanya.

Dr Mahathir juga meminta UMS yang kini berusia 10 tahun menumpukan perhatian dalam bidang akuakultur kerana sektor itu mempunyai sumber yang besar di negeri ini.

Sementara itu, pusat penetasan itu yang wujud kira-kira dua tahun lalu digunakan sebagai kemudahan penyelidikan dan pembangunan IPMB. Ia direka khusus oleh IPMB untuk penyelidikan, latihan prasiswazah dan pascasiswazah serta pengeluaran benih dan akuakultur.

(END) Source : Berita Harian